

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Bisnes / Pg. 18
Date	Mon, 28 th Mar 2016	Lead Article	No
Headline	Superb Beri Peluang Idea Bisnes Kreatif		



Superb beri peluang idea bisnes kreatif

■ KUALA LUMPUR 27 MAC

PROGRAM Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (Superb) yang dilancarkan pada 2014, kelolaan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), membuka peluang kepada pelbagai golongan, termasuk mereka yang tidak berkelulusan akademik tetapi mempunyai idea perniagaan kreatif dan inovatif.

Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh berkata, program SUPERB bertujuan mencari serta mencungkil bakat usahawan muda melalui pertandingan, antaranya bagi mengetengahkan pelan perniagaan mereka.

“Bidang keusahawanan ini perlu dilihat dari segala sudut dan daripada yang kami pilih setakat ini, lebih kurang 100 pemenang, mereka ini diberi geran bernilai RM500,000,” katanya semasa majlis pelancaran buku ‘Aspirasi Unikorn Bumipreneur: Stories from the Frontline’ anjuran Persatuan Usahawan dan Industri Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) Bumiputera Malaysia (NEF), baru-baru ini. Husni menyempurnakan pelancaran buku tersebut.

Sebelum ini, SUPERB dilaporkan

akan memperuntukkan RM20 juta nilai geran kepada sekurang-kurangnya 40 usahawan permulaan melalui program itu tahun ini.

“Setakat ini lebih 5,000 peserta bumiputera, usahawan-usahawan baru yang menyertai program SUPERB di seluruh negara,” katanya Bernama.

Beliau turut mempelawa usahawan muda menyertai tiga hingga empat sesi program SUPERB BizPitch tahun ini oleh Teraju, yang terbuka kepada usahawan berusia di bawah 40 tahun yang memiliki idea perniagaan kreatif dan inovatif.

Selepas saringan pertama, bakal usahawan akan dipanggil menyertai ‘bootcamp’ dan diberi latihan selama beberapa hari, di samping kesemua mereka akan mengetengahkan pelan perniagaan pada peringkat akhir, bersama kira-kira 25 peserta dan akan diadili oleh usahawan terkenal Malaysia.

Bagi kemudahan umum, beliau berkata, kini terdapat platform untuk mengetengahkan pelan perniagaan secara dalam talian, di mana mereka



HUSNI SALLEH

boleh merakam video berdurasi dua minit dan dihantar melalui laman web Teraju.

Mengenai buku ‘Aspirasi Unikorn Bumipreneur: Stories from the Frontline’, ia menghimpunkan 30 syarikat bumiputera ICT, kreatif dan berinovasi yang terbahagi kepada syarikat berprestasi tinggi dan syarikat permulaan harapan.

Husni berkata dalam melahirkan usahawan bumiputera, adalah perlu menceritakan pengalaman yang boleh menjadi inspirasi kepada anak-anak muda untuk mereka menceburi bidang keusahawanan.

NEF yang ditubuhkan pada 1997 merupakan suara dan tulang belakang kepada pembangunan usahawan ICT Bumiputera.

SUPERB mempunyai dana RM100 juta, merupakan program yang membantu usahawan bumiputera dan syarikat permulaan, dalam usaha mereka untuk mengkomersialkan produk masing-masing dan meningkatkan perniagaan mereka.

- BERNAMA